

# Ikhtilaf Umat Islam: Satu Pengenalan & Analisa

Muhammad Haniff Hassan

[ismhaniff@ntu.edu.sg](mailto:ismhaniff@ntu.edu.sg) / [www.haniff.sg](http://www.haniff.sg)

# Objektif

- Memberi kefahaman tentang ikhtilaf dalam Islam
  - sebab-sebab umum
  - sebab khusus-khusus
- Membina sikap yang betul terhadap ikhtilaf
- Memahami hambatan kepelbagaian
- Mengajak berfikir tentang kepelbagaian dan keseragaman dalam kehidupan agama di Singapura

# Kandungan

- Nota Pengenalan
- Islam antara paradigma kepelbagaian (heterogenous) dan keseragaman (homogeneous)
- Tarjih kededua aliran
- Sebab-sebab kepelbagaian dan sikap yang betul terhadapnya
- Memahami sikap anti-kepelbagaian / pro-keseragaman dan hambatan pada toleransi terhadap kepelbagaian
- Membahas kesan positif dan negatif Paradigma Seragam dan Paradigma Pelbagai
- Paradigma Seragam dan Paradigma Pelbagai di Singapura: Introspeksi hari ini dan unjuran masa depan

# Nota

- Isu kepelbagaian dalam Islam dibahas dalam konteks kepelbagaian dalaman (intra-faith diversity)
- Pembentangan ini tidak membicarakan soal menghadapi kepelbagaian di luar masyarakat Islam (inter-faith diversity)
- Disebabkan keterbatasan masa, di lain kesempatan (in-sya-Allah)
- Ikhtilaf (kepelbagaian) – rujuk pada kepelbagaian dalam kefahaman dan amalan agama, bukan kepelbagaian lain i.e. suku, geografi, bahasan dll.

# Dua Paradigma

- Relevan?
  - mempengaruhi sikap dan tingkah laku terhadap ikhtilaf dan kepelbagaian
  - mempengaruhi huraian bagi menangani isu ikhtilaf dan kepelbagaian
- Paradigma Seragam
  - negatif terhadap ikhtilaf dan kepelbagaian
- Paradigma Pelbagai
  - positif terhadap ikhtilaf dan kepelbagaian

# Paradigma Seragam

- Islam (period, full stop, noktah)
- Islam adalah Islam (undifferentiated)
- Tiada dan tidak mungkin boleh ada Islam Eropah, Islam Singapura, Islam Sufi, Islam Salafi, Islam Ikhwani etc.

# Dalil Bagi Paradigma Seragam

- Satu Tuhan, satu Quran, satu Muhammad, satu kiblat = satu Islam
- Wajib berpegang dengan tali Allah (3:103) = Din = Islam (3:19, 85)
- Ikuti satu jalan yang lurus (al-sirat al-mustaqim), bukan banyak jalan (6:153)
- Bersatu = wahdatul fikr, wahdatul amal, wahdatul jamaah etc. = wahdah segalanya = tidak boleh pelbagai
- Larangan berpecah (3:103) = idea mengenai Islam yang pelbagai membawa kepada perpecahan
- Ikhtilaf bukan rahmah, ikhtilaf adalah azab (hadith 73 puak)

# Paradigma Pelbagai


- Kontras bagi Paradigma Seragam
- Islam berbeza-beza (differentiated) i.e. Islam Eropah, Islam Singapura, Islam Sufi, Islam Haraki, Islam Tablighi, Islam Sunni



# Dalil Bagi Paradigma Pelbagai

- Kepelbagaian adalah sunnah alam (6:141-2)
- Kepelbagaian adalah sunnah manusia (30:22, 49:13, 11:118-9)
- Kepelbagaian adalah sunnah umat Islam
  - Allah terima permohonan nabi agar umatnya tidak bersatu atas kesesatan
  - Allah tolak permohonan nabi agar umatnya tidak berpuak-puak
  - lihat hadits di slide 10 dan 11

- Dari Amir bin Saad dari bapanya r.a katanya:“Pada suatu hari Rasulullah s.a.w datang dari daerah perbukitan. Ketika baginda sampai di Masjid Bani Mu’awiyah baginda masuk ke masjid tersebut lalu solat dua rakaat. Kami pun solat bersama-sama dengan baginda. Baginda berdoa kepada Tuhan panjang sekali. Setelah berdoa baginda berpaling kepada kami lalu bersabda:”Aku memohon kepada Tuhan tiga perkara. Dia memperkenankan dua perkara dan menolak satu perkara. Aku memohon kepada Tuhan supaya jangan membinasakan umatku dengan musim susah yang panjang. Maka diperkenankan. Aku memohon supaya umatku jangan dibinasakan dengan bencana tenggelam (seperti banjir besar yang melanda umat Nabi Nuh atau seperti tentera dan Raja Firaun yang ditenggelamkan di lautan), permohonanku itu diperkenankan-Nya juga. **Aku memohon supaya umatku jangan dibinasakan kerana pertentangan sesama mereka. Permohonan ini tidak diperkenankan.**” (Riwayat Al-Bukhari)



- Dari Abu Basrah Al-Ghifari bahawa Rasulullah s.a.w bersabda, “Aku meminta Tuhanku empat perkara. Dia memberi tiga dan menolak satu. Aku meminta Dia agar umatku tidak bersepakat dalam perkara yang sesat dan Dia mengkabulkannya. Aku meminta Dia agar tidak muncul musuh yang mengalahkan umatku kecuali dari kalangan mereka sendiri dan Dia mengkabulkannya. Aku meminta agar umatku tidak dimusnahkan dengan musibah yang berpanjangan sebagaimana umat zaman dahulu dan Dia mengkabulkannya. **Aku meminta agar umatku tidak berpuk-puk, sehingga mereka menyakiti antara satu sama lain, tapi Dia menolaknya.**” (Riwayat Ahmad)
- Islam boleh, bahkan wajib dan pasti pelbagai (akan disentuh)
- Bahkan, jalan menuju Allah juga pelbagai (5:16, 29:69) 
- Menseragamkan Islam berlawanan dengan sunnah alam, sunnah manusia, sunnah umat Islam dan kehendak Allah


- Islam yang berbagai-bagai bukan inovasi baru, telah ada sejak generasi awal Islam
- Para sahabat pelbagai, tidak seragam
- Setiap satu adalah bintang yang boleh dijadikan panduan
- Yang wujud dalam tradisi Islam ialah kepelbagaian, bukan keseragaman = kepelbagaian aliran / mazhab, kepelbagaian dalam setiap aliran / mazhab
- Kisah Imam Malik dan Khalifah Al-Mansur (Abbasiyah)

# Tarjih Kededua Aliran

- Menilai dalil-dalil, Paradigma Seragam hanyalah satu tafsiran ijtihadi (human construct)
- Paradigma Seragam, bukan ketentuan wahyu yang qat'ii
- Idea Paradigma Seragam bukan prinsip agama (al-asl fi al-din), perbezaan pendapat antara kededua paradigma bukan soal usul
- Demikian juga idea Paradigma Pelbagai
- Namun, Paradigma Pelbagai lebih berakar kukuh pada tradisi asal

# Islam Wajib Pelbagai

- Islam sengaja di “design” untuk menatijahkan kepelbagaian dalaman (intra-faith diversity)
- Al-Quran
  - wujudnya ayat-ayat dzanniyat
  - jumlah ayat-ayat dzanniyat lebih banyak dari qat`iyyat  
  - Al-Quran ilmu Allah yang tidak terbatas (infinite) ([18:109](#), [31:27](#)), bahasa Arab adalah bahasa manusia yang bersifat terbatas (finite)
- Hadits
  - ulama berbeza pendapat dalam tahap kesahihan dan pengertian
  - ulama berbeza pendapat kerana perbezaan penerimaan hadits (tak semua terima jumlah hadits yang sama)




- Perbezaan segi bahasa i.e. erti quru' (2:228) 
- Perbezaan dalam memahami sebab hukum (illah / maqsad)
- Perbezaan mengenai penerimaan dan penggunaan kaedah penetapan hukum (ijma' qiyas, masalih mursalah, istishab, sad zari`ah)
- Huraian mendalam lihat kitab Ethics of Disagreement in Islam (Taha Jabir Al-Alwani)

- baca online

[http://web.youngmuslims.ca/online\\_library/books/ethics\\_of\\_disagreement\\_in\\_islam/index.htm](http://web.youngmuslims.ca/online_library/books/ethics_of_disagreement_in_islam/index.htm)

- muat turun <http://zulkiflihasan.files.wordpress.com/2008/06/the-ethics-of-disagreement-by-taha-jabir-al-alwani.pdf>

# Sikap Yang Betul


- Hidup (live and let live) dengan kepelbagaian ([35:43](#))
- Bersifat positif – belajar, kenal mengenal, perbaiki diri ([49:13](#))
- Tolak pelbagai, tidak natural
  - stres
  - diktator
- Sabar
- Berbaik sangka ([49:12](#))






- Jangan perasan baik atau betul seorang (self-righteous)
  - haram di sisi agama ([53:32](#))
  - tanda sombong, sifat Iblis ([7:11-2](#))
- Rendah diri (kisah Khidr dan Musa dalam surah Al-Kahf)
  - tiada sesiapa ada monopoli ilmu dan kebijaksanaan ([12:76](#))
- Hormat

# Faham Yang Betul

- Dalam kepelbagaian, bukan mesti hanya satu sahaja benar
  - Al-Haq (kebenaran Mutlaq) hanyalah Allah ([10:31](#)) dan dalam ilmu Allah ([3:60](#))
  - lihat gambar ilusi mata (optical illusion)
- Beza antara kebenaran (truth) dengan dakwaan kebenaran (claims of truth)
  - semua claims of truth adalah subjektif, hingga terbukti sebaliknya
  - kebenaran yang dzanni lebih banyak dari kebenaran hakiki
- Jangan absolutist (hanya ada satu pandangan yang betul) atau binarian (betul atau salah, hitam atau putih, halal atau haram)



- Boleh ada pendirian (mazhab / moral position), tapi tidak perlu bersikap tidak menghormati
- Bukan semua perbezaan boleh diterima
  - tiada perbezaan dalam soal qat`iyyat (prinsip) i.e. rukun Islam, rukun iman
  - tapi tetap tidak boleh dielak, tabi'ii  
  - tetap perlu sikap dan adab yang betul ([20:44](#), [29:46](#))
  - perlu tidak bersetuju, tapi tidak boleh biadab ([6:108](#)) 
- Isu inter-faith diversity tidak akan disentuh di sini

# Contoh 1

- Khilaf mengenai minum nabiz
  - Jumhur = haram seperti arak
  - Beberapa tabi'in dan hanafiyah, harus jika tidak mabuk
- خُبْرَنَا إِسْحَاقُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ، قَالَ أَنْبَأَنَا جَرِيرٌ، عَنِ ابْنِ شُبْرُمَةَ، قَالَ رَحِمَ اللَّهُ إِبْرَاهِيمَ شَدَّدَ النَّاسُ فِي النَّبِيذِ وَرَخَّصَ فِيهِ .

(57) باب ذِكْرِ الْإِخْتِلَافِ عَلَى إِبْرَاهِيمَ فِي النَّبِيذِ

- Ishak bin Ibrahim berkata, Jarir memberitahu kami dari Ibn Syubrumah, bahwa dia berkata, “Allah merahmati Ibrahim (Al-Nakhai’ii. Ramai ulama bersikap tegas pada hukum nabiz sedangkan dia bersikap meringankan.” (Sunan Al-Nsa’ii)

- Al-Qurtubi dalam kitab tafsirnya ketika menghuraikan Al-Nahl:67

وما روي عن بعض التابعين أنه شرب الشراب الذي يسكر كثيره فللقوم ذنوب يستغفرون الله منها ، وليس يخلو ذلك من أحد معنيين : إما مخطئ أخطأ في التأويل على حديث سمعه ، أو رجل أتى ذنبا لعله أن يكثر من الاستغفار لله - تعالى -

“Apa yang diriwayatkan dari sebahagian tabi’iin bahawa dia meminum minuman yang memabukkan jika banyak; setiap kaum itu ada dosa yang Allah akan mengampunkannya. Hal ini tidak lepas dari dua pengertian; samada dia tersilap dalam tafsiran terhadap hadits yang didengarnya atau dia telah melakukan dosa tapi sebanyak istighfar [hingga menghapuskan dosanya].”

## Contoh 2

- Khilaf tentang najis anjing
  - Syafi'ii – najis
  - Sebahagian Maliki – tak najis
- Al-Nawawi menulis dalam kitab Al-Majmu'

مذهبنا أن الكلاب كلها نجسة المعلم وغيره الصغير والكبير ، وبه قال الأوزاعي وأبو حنيفة وأحمد وإسحاق وأبو ثور وأبو عبيد ، وقال الزهري ومالك وداود : هو طاهر وإنما يجب غسل الإناء من ولو غه تعبدا ، وحكي هذا عن الحسن البصري وعروة بن الزبير واحتج لهم بقول الله تعالى : " { فكلوا مما أمسكن عليكم } ولم يذكر غسل موضع إمساكها

- “Adapun mazhab kami (Syafi’ii), anjing semuanya najis, tidak kira samada yang terlatih atau tidak terlatih. Ini juga pendapat Al-Auza`ii, Abu Hanifah, Ahmad, Ishaq, Abu Tsur dan Abu Ubaid. Al-Zuhri, Malik dan Daud pula berpendapat ia adalah suci. Wajib membasuh bejana yang dijilat anjing hanya sebagian ta`abbudi. Diriwayatkan bahawa Hasan Al-Basri dan Urwah bin Al-Zubair juga berpendapat yang sama. Mereka berhujah dengan, “Makanlah dari apa yang ditangkap...”, tiada pun diperintahkan mencuci tempat gigitan anjing itu.”



# Hambatan Keplbagaian

- Kalau Paradigma Pelbagai lebih berakar pada tradisi (asal sifat generasi awal), lebih kukuh dalil-dalil syar'ii,
  - kenapa Paradigma Seragam wujud secara signifikan di kalangan umat Islam?
  - kenapa terdapat dorongan kuat pada keseragaman?
  - apakah pula faktor yang boleh menghambat keplbagaian?
- Faktor-faktor lain yang menyumbang
  - kuasa / politik
  - minda / mental mode
  - metodologi (dalam mentafsir teks)

# Faktor 1 – Kuasa / Politik

- Politics is about power – power to influence others, impose one's will on others
- Keinginan pada keseragaman (uniformity)
  - mudah dikawal
  - membantu kelestarian status quo
- Keinginan untuk mendominasi yang lain
  - kepelbagaian mewujudkan saingan, halang dominasi = tidak boleh benarkan kepelbagaian

- Kuasa memerlukan legitimacy (keabsahan, syar`iyyah)
  - agama sentiasa jadi sumber legitimacy, terutama dalam kepimpinan keagamaan
  - kepelbagaian melemahkan legitimacy kerana yang lain pun boleh betul (as legitimate)
- Atas dasar itu, Paradigma Seragam sering didokong oleh
  - The Power That Be / The Incumbent Power
  - Power Wrestler / The Insurgent




- Contoh the power that be
  - kisah Imam Malik dan Khalifah Al-Mansur
  - pakatan keluarga Saud dan Sheikh Muhammad Abdul Wahab, hingga hari ini = peneragaman kehidupan agama
  - pemerintahan Taliban, menolak kumpulan / aliran lain
  - Brunei, Islam Syafi'ii sahaja
  - Malaysia, peneragaman melalui pengkanunan syariah
  - Singapura, Muis (the Supreme Religious Authority, AMLA = fatwa atas dasar mazhab Shafi'ii, ARS, hanya MUIS miliki kuasa pensijilan halal 😊 )
- Tidak semestinya salah, tapi ia juga bukan ketentuan mutlak agama = ada faktor politik sebaliknya
- Contoh power wrestler
  - Golongan takfiri (Khawarij etc.) dan militan (Al-Qaeda)

# Faktor 2 - Minda

- Minda = mental mode, cara berfikir
- Minda yang pro pada keseragaman
  - condong pada generalisasi, tak suka yang kompleks dan complicated (sesat sikit = semua tak boleh dipakai = jauhi segala yang datang dari Barat = asalnya tak betul, kecuali terbukti sebaliknya)
  - berfikir cara absolutist i.e. hitam / putih, kalau tak jelas halal = haram atau syubhat (tiada al-maskut anhu)
  - kalau tak sunnah = bid`ah, semua bid`ah sesat (sukar terima bid`ah yang diikhtilafkan)
- Tunnel vision

# Faktor 3 - Metodologi

- Manhaj ilmu yang bermasalah
- Pertama - mengqat'ii apa yang tidak qat'ii, memprinsipkan apa yang bukan prinsip agama
- Contoh
  - apabila telah menetapkan tahlil / tawasul pada yang mati sebagai bid`ah, inkar seperti satu yang haram qat'ii = tiada ruang tasamuh
  - kejayaan hanya dicapai melalui tarikat
  - konsep al-wala' wa al-bara'

- Hakikatnya
  - dzanniyat lebih banyak dari qat`iyyat, begitu juga mutasyabihat dibanding dengan muhkamat
  - perkara yang diikhtilafkan lebih banyak dari kesepakatan
  - rule of thumb = apa pun pendapat, pasti ada pendapat lain; all CLAIMS of truth is subjective, until proven otherwise
- Kedua – generalisasi kerana berpegang pada dalil-dalil umum sahaja
- Hakikatnya – lafaz `am adalah pelbagai;
  - 1) al`am al-murad bihi al-khusus 
  - 2) al-`am al-makhsus 
  - 3) al`am al-baqi `ala umumih 

- Sepatutnya, sebelum berpegang pada dalil yang umum, pastikan ia bukan al-`am al-baqi `ala umumih (umum yang kekal pada keumumannya)
- Kaedah di sisi sebahagian ulama – ma min `amin illa wa qad khusa (tiada yang umum kecuali telah dikhususkan)



# Implikasi Paradigma Seragam

- Positif
  - seragam = senang diurus
  - mudah bina identiti
  - kesatuan
  - dll.
- Negatif
  - fokus pada persamaan, overlook perbezaan
  - tidak natural
  - fokus pada control
  - reductionism / simplification
  - dll.

# Implikasi Paradigma Pelbagai

- Positif
  - Natural dan tradisi
  - luas perspektif, anjal dan dinamik
  - dll.
- Negatif
  - kecoh i.e. menentukan hari raya pun susah seperti di Barat
  - dll.

# Instrospeksi Hari Ini

- Paradigma Seragam bukan satu fahaman yang eksklusif pada aliran tertentu
- Paradigma Seragam wujud pada pelbagai aliran tradisional dalam Islam i.e. salafi, sufi, mazhabi
- Kritik pada Pradigma Seragam bukan kritik pada satu aliran
- Paradigma Seragam, bukan semestinya tidak toleran
- Paradigma Pelbagai pun boleh tidak toleran, sebagaimana golongan liberal dan sekular boleh melampau
- Masalah bukan hanya di kalangan masyarakat sivil (asatizah), tapi juga pada institusi agama (establishment, the power that be)

- Telah dinyatakan, establishment merupakan faktor utama yang memperkasa Paradigma Seragam menjadi signifikan
- Huraian memerlukan establishment, tapi ia juga sebahagian dari masalah
- Bahkan, establishment selalunya lebih berisiko sebagai pemasalah kerana insentif dan kepentingan yang besar
- Contoh
  - AMLA
  - ARS
- Penyampaian ini bukan hanya tazkirah untuk asatizah, tapi juga pada establishment = bagaimana berkuasa tanpa sifat authoritarian dan meminggirkan yang lain

- Ikhtilaf yang bermasalah bukan hanya soal ilmu dan kefahaman agama (teologi, metodologi, epistemologi)
- Soal sikap (attitude) yang dicorakkan oleh pelbagai faktor sekitaran (keluarga, sosial)
- Soal politik (penguasa-rakyat, inter-mazhab)
- Jangan hanya salahkan agama dan agamawan
- Huraianya bukan hanya pada ilmu dan fahaman agama yang betul sahaja

# Aplikasi Di Singapura

- Apa yang baik? Mana yang baik? Apa pilihan kita dan masyarakat Muslim Singapura?
- Perlu nilai kesesuaian pada konteks yang sedia ada, pertimbangan maslahat dan mudarat
- Umumnya, memerlukan kombinasi antara keseragaman dan kepelbagaian
- Dasarnya – asaskan kehidupan beragama atas asas kepelbagaian
  - penyeragaman pada prinsip / qat`iyyat i.e. Rukun Islam, Rukun Iman, asas-asas akhlaq (WAJIB)
  - penyeragaman hanya pengecualian, atas dasar maslahat umum atau `urf sedia ada (siyasah syari`yyah)

- Persoalan, bagaimana hendak menentukan penyeragaman atas dasar masalah umum
  - siapa yang mendefinisi masalah umum?
  - siapa yang termasuk di dalam umum?
  - apa metodologi atau proses yang sah bagi membuat keputusan dalam hal ini?
- Satu isu yang kompleks, memerlukan renungan mendalam
  - tiada formula yang jelas mengenai keseimbangan antara keduanya
  - perlukan musyawarah yang ekstensif, bina kesepakatan
- Konteks Singapura
  - sudah bermula langkah
  - Piagam Kesederhanaan oleh Pergas
  - masih ada ruang untuk dikembangkan
  - titik permulaan yang baik

- Untuk langkah lanjut, perlu pertimbangkan perkara-perkara berikut
  - realistik dan relevan dengan kemajmukan Singapura dan keterbukaan dunia
  - kontekstual
  - benar dengan tradisi yang pelbagai
  - tidak absolutist, simplistik dan jumud (tidak terbuka untuk perubahan dan pembaikan)
  - toleran dan beradab
- Natijah – kehidupan agama yang seimbang antara keseragaman dan kepelbagaian, unik dan sesuai bagi konteks Singapura i.e. fiqh Singapura



- Ironi – apabila masyarakat telah sepakat = seragam = exclude sebahagian kepelbagaian
  - persoalannya; apa garis pemisah antara kepentingan politik dan agama?
- Pentingnya
  - check and balance = jalur selain penguasa (establishment)
  - namun, lakukan secara hikmah dan ukhuwwah
  - sinergi antara penguasa dan bukan, bukan konflik

Moga Bermanfaat  
Wassalam